

Jangan utamakan si kaya saja

7 DEC 1984

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur pengusaha-pengusaha pusat perubatan swasta kerana terlalu memberi tumpuan kepada golongan kaya dan kurang mengambilkira berat terhadap rakyat berpendapatan rendah.

Perdana Menteri bimbang, amalan jika dibiarkan berterusan akan memburukkan lagi ketidakeimbangan yang sedia wujud antara masyarakat bandar dan luar bandar.

Berucap merasmikan simposium sehari mengenai penjagaan kesihatan di sini, beliau berkata setiap industri, lebih-lebih lagi industri kesihatan, mempunyai tanggungjawab sosial.

Oleh itu, beliau meminta pusat-pusat perubatan swasta supaya jangan terlalu didorong oleh keuntungan.

Katanya, masyarakatlah yang memberikan hak monopoli kepada profesion perubatan untuk mengamalkan kerja mereka dan wang rakyatlah yang menyokong pelajaran perubatan.

Bayaran tinggi

"Lantaran itu, adalah wajar orang ramai diberikan perkhidmatan yang berpatutan dan tidak dinafikan rawatan oleh kerana bayaran yang tinggi, penumpuan kemudahan yang tidak sepatutnya kepada kawasan berpendapatan tinggi atau lain-lain bentuk halangan terhadap mereka," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mensifatkan pertumbuhan perkhidmatan perubatan sektor swasta di Lembah Kelang dan beberapa bandar besar negara ini sekarang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Kemudahan-kemudahan itu, katanya, meliputi perkhidmatan persendirian dan rumah-rumah bersalin yang kecil sehingga kepada hospital dengan beberapa ratus katil.

Bellau berpendapat, kedudukan pusat-pusat itu jelas dipengaruhi oleh daya tarikan pasaran, seperti pelanggan-pelanggan yang mampu membayar untuk perkhidmatannya.

"Sambil mengalu-alukan perkembangan itu kerana khidmat sokongannya kepada penduduk bandar yang lebih berada. Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia boleh memburukkan lagi jurang yang ada dalam rawatan perubatan antara penduduk-penduduk luar bandar dan bandar.

"Perkembangan seumpama ini adalah ielas tidak diingini," tegasnya. Bagi mereka yang tidak mampu, beliau berkata, kerajaan akan terus mengadakan perkhidmatan perubatan yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut kemampuan ekonomi negara ini.

Mengurangkan beban

Rakyat golongan berpendapatan tinggi sepatutnya mampu membayar untuk rawatan mereka dan dengan itu mengurangkan beban yang ditanggung oleh kerajaan ke atas rawatan kesihatan negara ini, ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin sektor swasta boleh mencincin lagi perkongsian kos itu dengan mengemukakan bayaran yang serendah mungkin, secara subsidi timbal-balas dan membuka klinik dan hospital di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kemudahan....

"Dengan itu perkhidmatan yang ditawarkan oleh sektor swasta akan dapat dinikmati oleh lebih ramai rakyat, termasuk mereka yang masih bertumpu kepada kemudahan-kemudahan kerajaan Yang telah pun sesak," ujarnya.

Menurutnya, walaupun penggunaan perkhidmatan hospital swasta biasanya bergantung kepada kemampuan pesakit untuk membayar, adalah penting ia menyediakan beberapa jenis perkhidmatan dan kemudahan yang umumnya berkaitan dengan sebuah hospital.

Sebagai contoh, hospital itu hendaklah mengadakan perkhidmatan bagi kemalangan dan kecemasan yang dibuka sepanjang waktu.

"Tidak seorangpun, misalnya, mangsa kemalangan, patut ditolak daripada diberi bantuan kecemasan hanya kerana ia bukan pesakit biasa di situ atau disebabkan ia tidak boleh mengadakan penjamin yang dikehendaki," tegasnya.

Perdana Menteri menambah, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji semula undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran hospital-hospital swasta bagi menjamin piawai perundangan yang minimum untuk menghasilkan rawatan perubatan yang paling berkesan.

Simposium itu dianjurkan oleh sebuah firma pembinaan, Ycoh Tiong Lay-Wilma, yang sedang membina Hospital Besar Kuala Terengganu berharga \$92.4 juta secara siapguna.